

Iklm pilihan raya lebih baik: Dr Mahathir

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan iklim pilihan raya umum kali ini lebih baik berbanding 1999 kerana parti pembangkang ketandusan isu.

"Tak ada isu melainkan yang akan dicipta oleh parti lawan, (iaitu) Pas dan DAP. Apa yang patut kita buat, kita dah buat," katanya ketika ditanya perbezaan suasana menjelang pilihan raya umum sekarang dan 1999.

Beliau berkata demikian selepas menamakan dan melancarkan Air Terjun Langkawi, air terjun buatan manusia tertinggi negara di Jalan Datai di sini, petang semalam.

Pada pilihan raya umum 1999, Pas yang berkuasa di Kelantan menguasai sebuah lagi kerajaan negeri di Terengganu berikutan pelbagai isu nasional yang dimainkan pembangkang termasuk pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ditanya apa nasihatnya kepada calon di Kedah yang gagal terpilih pada pilihan raya umum kali ini, Dr Mahathir sebagai Penasihat Barisan Nasional (BN) Kedah berkata, semua pihak mesti menerima keputusan yang dibuat dalam penamaan calon.

Mengenai pengundi di Langkawi, beliau berkata, penduduk di pulau ini sepatutnya tidak mempertikaikan siapa juga calon yang akan dinamakan kelak.

"Tak tahulah siapa nak jadi calon tetapi siapa juga calon, (pengundi di Langkawi) kena undi BN pasal orang Langkawi kini lebih mewah daripada orang di tanah besar," katanya sambil menambah kerajaan sudah melabur lebih RM4 bilion untuk pembangunan di Langkawi setakat ini.

Kerajaan menerusi Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) melaksanakan pelbagai program pembangunan di pulau itu untuk menggalak dan memajukan Langkawi sebagai destinasi pelancongan selepas diisytihar pulau bebas cukai pada 1987.